

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 15

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan TABIKA dan TASKA tambahan serta menaik taraf pendidikan pra-sekolah KEMAS.

JAWAPAN

Sehingga 15 Jun 2019, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mempunyai sebanyak **10,966 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA)** dan **509 buah Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)** di seluruh Malaysia. Jumlah ini adalah termasuk 4 buah TASKA baharu yang dibuka pada tahun ini.

Kementerian melalui KEMAS mensasarkan untuk membuka sebanyak **34 buah TABIKA** dan **20 buah TASKA** di seluruh negara bagi tahun 2020. Bagi menaik taraf pendidikan pra-sekolah KEMAS, tahap profesionalisme Pemaju Masyarakat (PM) KEMAS terutamanya Pemaju Masyarakat TABIKA dan TASKA akan dipertingkatkan. Sehingga kini terdapat seramai 70% (7,647 orang) dari jumlah keseluruhan 10,766 Pemaju Masyarakat TABIKA telah memiliki Diploma termasuk Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Tambahan pula sejak 2017, Kemas telah mensyaratkan semua pengambilan baru Pemaju Masyarakat tabika mesti mempunyai Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

SOALAN NO : 15

Sepanjang tempoh lima tahun (2019-2023), KEMAS menasarkan seramai 959 orang PM TABIKA untuk mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Manakala, keseluruhan seramai 1,634 orang Pemaju Masyarakat TASKA KEMAS telah memiliki Diploma. Selain itu, KEMAS juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan taraf pendidikan awal kanak-kanak KEMAS melalui langkah-langkah berikut :

(i) Memperkasakan penggunaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang digubal dengan tujuan untuk membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berfikiran kritis dan kreatif serta inovatif.

(ii) Memperkenalkan Modul e-STREAM (*Science, Technology, Religions, Engineering, Arts, Mathematics*) yang dibangunkan dengan kerjasama pakar-pakar dari bidang pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Pertubuhan Sekolah Belantara yang bertujuan memupuk minat kanak-kanak seawal usia dalam bidang sains dan teknologi. Modul ini mengambilkira pekerjaan berkaitan bidang STREAM seperti *aviation, aerospace, astronomy, automotive, oil and gas, medical science* serta *robotic* yang amat diperlukan pada masa akan datang.

(iii) Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris melalui pelaksanaan program *English Is Fun* yang berkonsepkan "*English Day*" dengan pengisian aktiviti pembelajaran secara interaktif dalam bentuk animasi dan *motion graphic*. Peningkatan Kecekapan Bahasa Inggeris dalam kalangan Pemaju Masyarakat TABIKA KEMAS juga dipergiatkan melalui latihan berterusan.